

19 AUG 2004

PM RASMI UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS AHAD INI

IPOH, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan sayap pendidikan syarikat pengeluar minyak negara, Petronas, Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Tronoh, kira-kira 25km dari sini Ahad ini.

Universiti itu dalam kenyataannya di sini hari ini berkata Canselor UTP dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan turut menyerikan majlis itu.

Kenamaan lain ialah Presiden Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

UTP diwujudkan pada 10 Jan, 1997 apabila Petronas dipelawa oleh kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti.

Kampus itu dibina pada kawasan seluas 400 hektar yang pada mulanya digunakan sebagai cawangan oleh Universiti Sains Malaysia.

Ia menawarkan pelbagai bidang kursus berkaitan kejuruteraan dan teknologi.

Pelajar UTP kini berjumlah 4,568 orang termasuk 335 pelajar antarabangsa yang berasal dari Turkmenistan, Afrika Selatan, Sudan, Chad, Yemen, Mozambique, Timor Leste, Vietnam, Kemboja, Thailand, Indonesia, Pakistan, India dan Iran.

Sehingga kini, universiti itu telah menghasilkan 787 siswazah.

-- BERNAMA

AR ROS